

**UNDANG – UNDANG KECIL**

---

**CETAKAN SEMULA**

**UNDANG-UNDANG KECIL KAWASAN KETETAPAN  
(TRED, PERNIAGAAN ATAU PEKERJAAN YANG  
TIDAK BOLEH DITUBUH ATAU DIJALANKAN)  
(MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA) 2003**

Mengandungi segala pindaan hingga 10 Disember 2020.



AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976

UNDANG-UNDANG KECIL KAWASAN KETETAPAN  
(TRED, PERNIAGAAN ATAU PEKERJAAN YANG  
TIDAK BOLEH DITUBUH ATAU DIJALANKAN)  
(MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA) 2003

---

SUSUNAN UNDANG-UNDANG KECIL

---

Undang-  
Undang  
Kecil

1. Nama dan pemakaian dan mula berkuatkuasa.
2. Tafsiran.
3. Kawasan Ketetapan.
4. Kuasa untuk menutup premis dan menahan harta alih dsb,.
5. Pihak Berkuasa Tempatan tidak akan bertanggung terhadap kerosakan dan kehilangan.
6. Menghalang pegawai-pegawai menjalankan kewajipan atau kuasanya.
7. Kuasa untuk memasuki premis
8. Anggapan mengenai pesalah
9. Penalti

JADUAL PERTAMA

AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976

UNDANG-UNDANG KECIL KAWASAN KETETAPAN  
(TRED, PERNIAGAAN ATAU PEKERJAAN YANG  
TIDAK BOLEH DITUBUH ATAU DIJALANKAN)  
(MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA) 2003

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan (i) seksyen 102, Akta Kerajaan Tempatan 1976, Majlis Bandaraya Subang Jaya membuat dan menurut seksyen 103 Akta tersebut Pihak Berkuasa Negeri mengesahkan undang-undang kecil berikut:

1. Undang-Undang Kecil ini bolehlah dinamakan **Undang-Undang Kecil Kawasan Ketetapan (Tred, Perniagaan atau Pekerjaan yang tidak boleh Ditubuh atau Dijalankan) (Majlis Bandaraya Subang Jaya) 2003** dan disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 2 Januari 2003.

2. Dalam undang-undang kecil ini, melainkan jika konteks menghendaki makna yang lain—

“kawasan ketetapan” ertinya kawasan yang telah ditetapkan dalam Jadual Pertama;

“pemunya”:

(a) berhubung dengan mana-mana tanah atau bangunan, ertinya tuannya berdaftar tanah itu dan jika, pada pendapat pihakberkuasa tanah itu tidak dapat dikesan, ertinya orang yang pada masa itu menerima sewa bagi premis yang berkaitan dengannya perkataan itu digunakan sama ada bagi faedahnya sendiri atau sebagai ejen atau pemegang amanah bagi mana-mana orang lain atau sebagai penerima bandaraya atau yang akan menerima sewa itu jika premis itu disewakan kepada seorang tenan; dan

(b) mengenai bangunan-bangunan yang dipecahbahagi, termasuklah perbadanan pengurusan dan mana-mana tuannya subsidiari; “penduduk” berhubung dengan undang-undang kecil ini ertinya orang yang sebenarnya menduduki tanah atau premis yang mengenainya perkataan itu digunakan, atau yang berhak menjaga, mengurus atau mengawalinya sama ada bagi faedahnya sendiri atau sebagai ejen seorang lain tetapi tidak termasuk seorang penginap; dan

“premis” berhubung dengan undang-undang kecil ini termasuklah mesuaj, rumah, rumah kediaman, gudang, kedai, kedai pejabat, kepungan beratap, tenemen, ismen dan hereditemen dari apa-apa pemegang, sama ada terbuka atau terkepung, sama ada awam atau persendirian, sama ada dibina di atasnya atau tidak ada mana-mana sesuatu bangunan lain dalam mana orang-orang bekerja.

3. Sesuatu kawasan seperti yang ditetapkan di ruang (1) Jadual Pertama hendaklah menjadi kawasan ketetapan di mana kedai-kedai, gudang-gudang, kilang-kilang atau premis-premis perniagaan tidak boleh didirikan atau tred-tred atau perniagaan-perniagaan atau pekerjaan-pekerjaan seperti yang ditentukan di bawah ruang (2) Jadual Pertama tidak boleh ditubuh atau dijalankan.

4. Pihak berkuasa tempatan adalah mempunyai semua kuasa yang sepatutnya bagi melaksanakan atau menguatkuasakan pelaksanaan kawasan ketetapan termasuk tetapi tidak terhad kepada—

- (1) penutupan mana-mana premis yang didapati telah melanggar mana-mana peruntukan undang-undang kecil ini dan boleh mengalihkan dan/atau memindahkan apa-apa harta alih dalam mana-mana premis pada bila-bila masa;
- (2) sekiranya harta alih tersebut adalah terdiri daripada barang atau benda yang mudah rosak, pihak berkuasa tempatan boleh mengarahkan supaya harta-alih tersebut dilupuskan atau dijual dan apa-apa hasilnya, jika ada, boleh dituntut oleh tuanpunya barang tersebut selepas ditolak semua perbelanjaan yang telah ditanggung dan Pihak Berkuasa Tempatan berkenaan dengan pemindahan, pelupusan atau penjualan benda atau barang-barang tersebut;
- (3) sekiranya tiada tuntutan dibuat oleh tuanpunya barang atau benda yang dijual di bawah sub-perenggan (2) selepas satu bulan dari tarikh penjualan, hasil yang diperolehi darinya hendaklah dikreditkan sebagai pendapatan Pihak Berkuasa Tempatan;
- (4) sekiranya pemunya atau tuanpunya benda atau barang selain daripada jenis yang dinyatakan di bawah perenggan (2) yang telah dialihkan dan ditahan di bawah sub-perenggan (1), boleh dalam masa satu (1) bulan dari tarikh pengalihan tersebut menuntut benda atau barang itu daripada pihak berkuasa tempatan dengan menjelaskan kesemua bayaran dan perbelanjaan yang dikenakan kepadanya dan yang ditanggung oleh Majlis bersabit dengan pengalihan dan penahanannya;
- (5) sekiranya harta alih yang dialihkan dan ditahan di bawah sub-perenggan 2 tidak dituntut selepas tamat tempoh satu (1) bulan dari tarikh pengalihan, pihak berkuasa tempatan boleh mengarahkan harta alih yang dialihkan itu dijual atau dilupuskan dan segala hasil yang diperolehi daripadanya hendaklah dikreditkan sebagai pendapatan Pihak Berkuasa Tempatan.

5. Pihak berkuasa tempatan tidak akan bertanggungjawab ke atas apa-apa kerosakan atau kehilangan kepada harta alih yang dialih dan ditahan oleh pihak berkuasa tempatan di bawah undang-undang kecil ini sama ada semasa atau selepas tindakan pengalihan dan/atau pemindahan dengan syarat tindakan tersebut telah dilakukan secara bona fide bagi maksud menjalankan peruntukan-peruntukan undang-undang kecil ini.

6. Mana-mana orang yang menghalang dan membantu dalam menghalangan pegawai-pegawai pihak berkuasa tempatan daripada melaksanakan apa-apa kuasa yang diberikan kepadanya oleh atau di bawah mana-mana undang-undang kecil ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya adalah melakukan kesalahan.

7. Pegawai-pegawai pihak berkuasa tempatan yang telah diberi kuasa secara bertulis boleh pada bila-bila masa yang munasabah, memasuki mana-mana premis dalam kawasan ketetapan bagi maksud menjalankan apa-apa kuasa pemeriksaan, penyiasatan atau menjalankan apa-apa kerja di bawah undang-undang kecil ini.

8. Jika dalam sesuatu hal adalah dibuktikan bahawa apa-apa perbuatan atau perkara dilakukan oleh atau ditinggal daripada dilakukan oleh mana-mana orang bersalahan dengan undang-undang kecil ini maka hendaklah dianggapkan kesalahan itu telah dilakukan oleh atau dengan kebenaran penduduk atau pemunya premis atau tanah itu.

9. Seseorang yang melanggar mana-mana peruntukan undang-undang kecil ini adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan, boleh dikenakan denda tidak melebihi dua ribu ringgit atau hukuman penjara selama tempoh tidak lebih daripada satu tahun atau kedua-duanya sekali dan denda tambahan tidak melebihi dua ratus ringgit bagi tiap-tiap hari kesalahan itu berterusan selepas sabitan.

#### JADUAL PERTAMA

<i>Bil.</i>	<i>(1) Kawasan</i>	<i>(2) Jenis Tred, Perniagaan atau Pekerjaan</i>
1.	SS 12, Subang Jaya	Bengkel kenderaan motor (membaiki, mencuci dan servis)
2.	SS 13, Subang Jaya (kecuali kawasan industri)	”
3.	SS 14, Subang Jaya	”
4.	SS 15, Subang Jaya	”
5.	SS 16, Subang Jaya	”
6.	SS 17, Subang Jaya	”
7.	SS 18, Subang Jaya	”
8.	SS 19, Subang Jaya (kecuali kawasan industri)	”
9.	USJ 1, Subang Jaya (Subang Permai/Subang Mewah) (kecuali kawasan industri)	”
10.	USJ 2, Subang Jaya	”
11.	USJ 3, Subang Jaya	”
12.	USJ 4, Subang Jaya	Bengkel kenderaan motor (membaiki, mencuci dan servis)
13.	USJ 5, Subang Jaya	”
14.	USJ 6, Subang Jaya	”

<i>Bil.</i>	<i>(1)</i> <i>Kawasan</i>	<i>(2)</i> <i>Jenis Tred, Perniagaan</i> <i>atau Pekerjaan</i>
15.	USJ 7, Subang Jaya (kecuali kawasan industri ringan)	”
16.	USJ 8, Subang Jaya	”
17.	USJ 9, Subang Jaya	”
18.	USJ 10, Subang Jaya	”
19.	USJ 11, Subang Jaya	”
20.	USJ 12, Subang Jaya	”
21.	USJ 13, Subang Jaya	”
22.	USJ 14, Subang Jaya	”
23.	USJ 15, Subang Jaya	”
24.	USJ 16, Subang Jaya	”
25.	USJ 17, Subang Jaya	”
26.	USJ 18, Subang Jaya	”
27.	USJ 19, Subang Jaya (kecuali kawasan industri)	”
28.	USJ 20, Subang Jaya	”
29.	USJ 21, Subang Jaya	”
30.	PJS 7, Subang Jaya (kecuali bangunan industri)	”
31.	PJS 9, Subang Jaya	”
32.	PJS 11, Subang Jaya	”
33.	Goodyear Court 1-10 (kedai flet)	”

Diperbuat oleh Majlis Perbandaran Subang Jaya di dalam mesyuarat pada 30 September 2002.

**AHMAD FUAD ISMAIL**  
*Yang Dipertua*  
*Majlis Perbandaran Subang Jaya*